



Projek Fonetik Bahasa Melayu PPIK (PFBM)

Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM.

ABSTRAK

Projek Fonetik Bahasa Melayu PPIK (PFBM) merupakan salah satu projek yang telah dapat membantu pelajar Sarjana Muda Sastera (Pengajian Bahasa Malaysia) memahami konsep pembelajaran berasaskan masalah (pbl). Konsep pembelajaran secara imersif yang dijalankan merupakan usaha pelajar-pelajar dalam kursus fonetik bahasa Melayu membantu rakan berkelainan upaya penglihatan atau tunanetra untuk memahami topik fonetik artikulatori khususnya sub topik mekanisme ujaran manusia. Pembelajaran tentang fonetik artikulatori oleh pelajar tunanetra adalah hampir mustahil disebabkan ketiadaan deria penglihatan yang membolehkan pelajar ini melihat, memahami kedudukan serta gambaran rupa bentuk alat-alat artikulasi manusia. Pelajar hanya mempunyai sedikit gambaran bentuk luaran muka manusia dan boleh mengagak bentuk artikulator di dalam rongga mulut menerusi sedikit pengalaman ketika usia kanak-kanak; iaitu ketika pelajar masih mempunyai deria penglihatan. Namun begitu, untuk memperkenalkan pelajar ini kepada keseluruhan mekanisma pertuturan manusia adalah sangat sukar. Kemudahan sedia ada di Pusat Pengajian juga tidak praktikal untuk digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pelajar tunanetra.

Oleh hal demikian, satu projek kerjasama berkonsepkan pembelajaran berasaskan masalah telah dirancang dan dilaksanakan untuk membantu pelajar tunanetra memahami serba sedikit tentang mekanisma pertuturan manusia menggunakan deria sentuhan. Pengalaman pembelajaran imersif ini telah dijayakan oleh semua pelajar kohort terlibat dan juga kohort selepasnya dengan kejayaan pelajar tunanetra ini bergraduasi dalam bidang Sarjana Muda Sastera (Pengajian Bahasa Malaysia).

OBJEKTIF

Objektif projek ini ialah membangunkan satu set bahan pembelajaran berbentuk bahagian-bahagian dalam mekanisma ujaran manusia untuk diperkenalkan kepada pelajar tunanetra dengan menggunakan keupayaan deria sentuhannya.



NILAI TAMBAH

Nilai tambah dalam projek ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pelajar dalam membangunkan peribadi mulia, sifat kerjasama, berfikir kreatif, berpengetahuan dan berinovasi serta bijak menangani pelbagai situasi.




KEBOLEHUNAAN

Model yang terhasil dalam Projek Fonetik Bahasa Melayu PPIK (PFBM) ini sesuai digunakan untuk PdP pelajar tunanetra. Pelbagai tekstur yang digunakan dalam penghasilan model membolehkan pelajar mengenal pasti bahagian-bahagian mekanisma ujaran manusia menerusi deria sentuhannya.



POTENSI KOMERSIAL

Kolaborasi telah dijalankan dengan pihak luar seperti RUBBER TAPPER PRODUCTION HOUSE (M) SDN BHD dan RTM dalam memperkenalkan projek ini sebagai salah satu kaedah pembelajaran untuk pelajar tunanetra dan USM sebagai salah satu sebuah HUB PEMBELAJARAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS. Dalam pelan jangka panjang, tenaga kerja projek optimis untuk membangunkan model ini sebagai modul pengajaran dan pembelajaran yang lebih sistematik.



PENGIKTIRAFAN

Projek ini telah pun dipamerkan ketika Pameran Pelajar Linguistik Bahasa Melayu 2019 berlangsung di USM pada 12 Disember 2019. Ia juga telah disiarkan dalam rancangan Inspirasi dan Kejayaan yang telah bersiaran di saluran RTM pada 26 Januari 2023 lalu.



Dewan Anak Abad Shaker Universiti Sains Malaysia
 12 Disember 2019, Foyer 603
INSPIRASI DAN KEJAYAAN
 Rancangan televisyen yang menampilkan orang-orang yang berjaya sebagai sumber inspirasi untuk mereka-mereka yang berkeperluan khas.
 Rancangan ini akan disiarkan di saluran RTM pada 26 Januari 2023.
 Pengerusi: @shaharuddin
 Executive Producer: @shaharuddin
 Line Producer: @shaharuddin @shaharuddin
 Director: @shaharuddin
 Host: @shaharuddin
 DOP: @shaharuddin
 Team Technical: @shaharuddin @shaharuddin @shaharuddin
 Behind The Scene: @shaharuddin @shaharuddin @shaharuddin
 Team Pengajaran: @shaharuddin @shaharuddin @shaharuddin
 Pengerusi: @shaharuddin @shaharuddin @shaharuddin
 Pengerusi: @shaharuddin @shaharuddin @shaharuddin



Norhaniza binti Abdul Khairi
PPIK



Dr Mohd Khaidir Abdul Wahab
PPIK